

## **KESEDIAAN GLOBAL KANAK-KANAK PRASEKOLAH**

### ***GLOBAL READINESS AMONG PRESCHOOLER***

**Azizah Zain<sup>1</sup>**

Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Malaysia.  
(Email: azizah.zain@fpm.upsi.edu.my)

**Jamilah Mohd Basir<sup>2</sup>**

Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Malaysia.  
(Email: jamilah.basir@fpm.upsi.edu.my)

**Zaharah Osman<sup>3</sup>**

Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Malaysia,  
(Email: zaharah@fpm.upsi.edu.my)

**Elyssa Heinzie anak Josin<sup>4</sup>**

Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Malaysia.  
(Email: josinelyssaheinzie@gmail.com )

**Received date:** 04-03-2019

**Revised date:** 07-03-2019

**Accepted date:** 25-11-2019

**Published date:** 15-12-2019

**To cite this document:** Zain, A., Mohd Basir, J., Osman, Z., & Josin, E. H. (2019). Kesediaan Global Kanak-Kanak Prasekolah. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 4 (33), 154-161.

**DOI:** 10.35631/IJEPc.4330013

---

**Abstrak:** Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti pengetahuan kesediaan global kanak-kanak yang berumur enam tahun di prasekolah berasaskan tujuh aspek global iaitu(a) kemahiran komunikasi dan kebolehan berbahasa pelbagai (b) kemahiran ICT (c) kepelbagaiannya budaya (d) kemahiran berfikir aras tinggi (e) kemahiran pemeliharaan alam sekitar (f) kemahiran literasi kewangan dan (g) kemahiran asas keselamatan serta pertahanan diri. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan menggunakan soaljawab bertulis berdasarkan gambar dengan melihat beberapa aspek yang diperincikan daripada tujuh aspek yang dinyatakan. Sampel kajian terdiri daripada lapan puluh empat orang kanak-kanak prasekolah dari lima buah prasekolah daerah Mualim, Perak. Data dianalisis dengan melihat perbezaan min dalam pengetahuan Kesediaan Global. Dapatkan menunjukkan pengetahuan kanak-kanak yang paling tinggi adalah pengetahuan dalam bahasa (min=.90) dan komunikasi (min=.87) dan pengetahuan kanak-kanak dalam kemahiran pemeliharaan alam sekitar dan keselamatan (min= .90) adalah yang paling rendah daripada kesemua aspek yang dilihat. Dapatkan ini menunjukkan kanak-kanak perlu diberi pendidikan dalam kesediaan global untuk menyediakan mereka dengan pengetahuan berdasarkan ketujuh aspek tersebut supaya mereka lebih bersedia menghadapi senario yang sentiasa berubah di peringkat global. Diharap pendidik di peringkat prasekolah dapat merancang aktiviti yang lebih memberi pendedahan kepada kesediaan global kanak-kanak di peringkat prasekolah.

## **Kata Kunci:** Pendidikan, Kesediaan Global, Pengetahuan

**Abstract:** The purpose of this study is to identify the knowledge among six years old preschool children in global readiness education. Seven aspects of basic knowledge cognate to global readiness are (a) communication and multiple language ability (b) use of ICT (c) diversity and multiculturalism (d) thinking skills (e) environmental awareness (f) financial literacy and (g) safety and self-defence skills. This study exerts a quantitative approach using written picture-based questionnaire based on component exhaustive in the seven aspects described. Eighty-four preschool children from five preschool in the districts of Mualim, Perak were randomly chosen as a sample for this study. This quantitative study is conducted by analyze the mean difference of children's knowledge in global readiness questions. The findings signify that the highest knowledge of children is knowledge in language ( $\min = .90$ ) and communication ( $\min = .87$ ). Howbeit, the knowledge of children in environmental awareness and safety and self-defence skills ( $\min = .90$ ) is the lowest of all aspects supervene. Thus, the finding suggests that children should be educated in global readiness to equip them with seven aspects of basic knowledge homologous to global readiness in order to inculcate them for the evolutionary scenario globally. Therefore, the educators at preschool level are envisaged to excogitating activities that expose better manifestation of global readiness to preschool children.

**Keywords:** Education, Global Readiness, Knowledge

---

## **Pengenalan**

Global membawa makna dunia sejagat dan juga merujuk kepada sesuatu yang luas serta tidak terbatas kepada sesuatu perkara (Kamus Dewan, 2013). Dalam konteks tanpa sempadan, global merangkumi aspek sosial, budaya, ekonomi dan politik (UNESCO, 2015). Selari dengan perubahan dalam sistem pendidikan dunia yang berkembang secara pesat menongkah arus revolusi dunia, Malaysia juga tidak berkecuali dengan mengambil tindakan membuat pelbagai penambahbaikan dalam sistem pendidikan seiring dengan perubahan dan isu semasa. Pembangunan dan pengukuhan sistem pendidikan ini bertujuan untuk mencapai hasrat pendidikan yang berkualiti melalui usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepada untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, 2012).

Dalam Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan elemen Kelesterian Global merupakan salah satu elemen merentas kurikulum yang menjadi nilai tambah dan perlu diterapkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran selain yang ditetapkan dalam standard kandungan. Elemen ini bermatlamatkan melahirkan kanak-kanak berdaya fikir lestari yang bersikap responsive terhadap persekitaran dalam kehidupan harian dengan mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang diperoleh melalui elemen Penggunaan dan Pengeluaran Lestari, Kewarganegaraan Global dan Perpaduan. Oleh itu kanak-kanak perlu didehdahkan dengan pengetahuan global kanak bagi menghadapi cabaran dan isu semasa di peringkat tempatan, negara dan global. Elemen ini diajar secara langsung dan secara sisipan dalam mata pelajaran yang berkaitan.

## **Pernyataan Masalah**

Tujuan untuk mengukuhkan kemahiran dan ketrampilan modal insan bagi menangani cabaran semasa dan masa hadapan perlu diterapkan di peringkat awal lagi melalui Elemen Merentas

Kurikulum (EMK). Guru perlu mempunyai pengetahuan dan kemahiran dalam melaksanakan elemen-elemen yang dinyatakan dalam Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (2017) untuk mencapai tujuan tersebut. Elemen-elemen yang terkandung dalam KSPK ini selari dengan sistem pendidikan di Malaysia yang menerima konsep kemahiran abad ke-21 iaitu perkembangan kendiri, identiti budaya dan keantarabangsaan, kemahiran media dan komunikasi, warganegara partisipatif, bertanggungjawab terhadap persekitaran, menitikberatkan kesihatan diri dan masa depan yang lestari (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, 2012). Konsep kemahiran abad ke-21 ini diadaptasi agar bersesuaian dengan konteks tempatan dalam melahirkan kanak-kanak prasekolah yang holistik di peringkat global. Tumpuan dalam pengajaran dan pembelajaran bukan sahaja berfokus kepada penguasaan kognitif sahaja tetapi kanak-kanak perlulah didedahkan tentang pengetahuan global. Melalui aktiviti yang boleh disisipkan dalam setiap tunjang dalam KSPK. Melalui sisipan aktiviti mengenai pengetahuan dalam kesediaan global dalam pengajaran dan pembelajaran dapat membantu meningkatkan pengetahuan global kanak-kanak dan guru perlu peka terhadap keperluan ini selain memberi tumpuan kepada penguasaan kognitif kanak-kanak bagi peningkatan akademik mereka.

Cabarannya dalam pendidikan abad ke 21 adalah mendedahkan kanak-kanak dengan pengetahuan global melalui aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Berdasarkan elemen penggunaan dan pengeluaran lestari, kewarganegaraan global serta perpaduan sejagat (KPM, 2016). Menurut Anna (2009) kanak-kanak perlu diajar kepelbagaiannya bangsa dan bahasa agar mereka mempunyai pengetahuan dan pandangan terhadap budaya lain. Aspek-aspek yang terdapat dalam kesediaan global akan memberi pendedahan awal tentang elemen-elemen berikut (a) kemahiran komunikasi dan kebolehan berbahasa pelbagai (b) kemahiran ICT (c) kepelbagaian budaya (d) kemahiran berfikir aras tinggi (e) kemahiran pemeliharaan alam sekitar (f) kemahiran literasi kewangan dan (g) kemahiran asas keselamatan serta pertahanan diri. Aspek yang dinyatakan ini sebenarnya terkandung secara tidak langsung dalam standard pembelajaran dalam KSPK yang boleh dijadikan sebagai aktiviti pengajaran dan pembelajaran untuk meningkatkan pengetahuan global kanak-kanak prasekolah. Dapatkan kajian oleh Rohaty, Azhar dan Sopia (2017) menunjukkan kanak-kanak masih tidak menguasai kemahiran pemeliharaan alam sekitar daripada tujuh aspek yang dinyatakan. Dapatkan ini menunjukkan kanak-kanak prasekolah masih kekurangan pengetahuan berkaitan alam sekitar sama ada di dalam atau luar negara. Oleh itu guru prasekolah memainkan peranan penting menyelitkan pengetahuan atau kejadian semasa alam sekitar yang berlaku dalam dan luar negara dalam pengajaran dan pembelajaran mereka.

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) telah melancarkan tujuh belas matlamat global iaitu Sustainable Development Goals (SDGs) bertujuan untuk membasmi kemiskinan, memelihara bumi dan memastikan kesejahteraan sejagat. Matlamat global ini turut menyelitkan agenda baharu yang berfokus kepada pendidikan. Satu daripada tujuh belas matlamat SDGs ialah Pendidikan 2030 mempromosikan pendidikan berkualiti yang inklusif dan saksama serta peluang pembelajaran sepanjang hayat untuk semua. Kandungan Pelan PPPM 2013-2025 adalah selari dengan deklarasi SDG 4 dan hasrat kurikulum kebangsaan bagi memastikan generasi akan datang dapat menyumbang kepada pembangunan ekonomi, sosial dan alam sekitar secara lestari. Hasrat ini akan dicapai sekiranya guru-guru prasekolah bersedia untuk melaksanakannya dalam pengajaran dan pembelajaran mereka. Guru prasekolah sendiri perlu mempunyai pengetahuan dan kemahiran dalam aspek global supaya pendidikan ini dapat disampaikan seperti yang dihasratkan. Namun begitu pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dalam aspek global di prasekolah masih rendah kerena penekanan kepada kemahiran asas seperti menulis dan membaca masih menjadi keutamaan.

Oleh itu, dalam mencapai hasrat melahirkan generasi muda yang berpengetahuan global, pengajaran dan pembelajaran di peringkat prasekolah perlulah menyediakan aktiviti-aktiviti yang berasaskan aspek-aspek berikut (a) kemahiran komunikasi dan kebolehan berbahasa pelbagai (b) kemahiran ICT (c) kepelbagaian budaya (d) kemahiran berfikir aras tinggi (e) kemahiran pemeliharaan alam sekitar (f) kemahiran literasi kewangan dan (g) kemahiran asas keselamatan serta pertahanan diri. Guru prasekolah perlulah bersedia dan mempunyai pengetahuan dalam aspek tersebut agar ilmu ini dapat disampaikan dengan baik kepada kanak-kanak.

### **Objektif Kajian**

Tujuan kajian ialah untuk mengenalpasti pengetahuan kesediaan global kanak-kanak prasekolah dalam aspek-aspek berikut berikut (a) kemahiran komunikasi dan kebolehan berbahasa pelbagai (b) kemahiran ICT (c) kepelbagaian budaya (d) kemahiran berfikir aras tinggi (e) kemahiran pemeliharaan alam sekitar (f) kemahiran literasi kewangan dan (g) kemahiran asas keselamatan serta pertahanan diri. Persoalan kajian adalah selari dengan objektif yang hendak dicapai dalam kajian ini iaitu apakah pengetahuan kesediaan global kanak-kanak yang berumur enam tahun di prasekolah berasaskan tujuh aspek global iaitu (a) kemahiran komunikasi dan kebolehan berbahasa pelbagai (b) kemahiran ICT (c) kepelbagaian budaya (d) kemahiran berfikir aras tinggi (e) kemahiran pemeliharaan alam sekitar (f) kemahiran literasi kewangan dan (g) kemahiran asas keselamatan serta pertahanan diri.

### **Skop Kajian**

Kajian ini hanya difokuskan kepada kesediaan global kanak-kanak berdasarkan aspek berikut (a) kemahiran komunikasi dan kebolehan berbahasa pelbagai (b) kemahiran ICT (c) kepelbagaian budaya (d) kemahiran berfikir aras tinggi (e) kemahiran pemeliharaan alam sekitar (f) kemahiran literasi kewangan dan (g) kemahiran asas keselamatan serta pertahanan diri. Kanak-kanak akan diberi soalan-solan berkaitan aspek tersebut untuk melihat pengetahuan mereka.

### **Kajian Literatur**

Pemahaman tentang pertumbuhan dan perkembangan kanak-kanak segi domain perkembangan kanak-kanak dan kesediaan sekolah telah berubah seiring dengan revolusi semasa. Oleh hal demikian, kurikulum yang digubal berasaskan kemahiran abad ke-21 harus dilaksanakan dengan sewajarnya agar sesuai dengan kehendak dan fitrah kanak-kanak. Pendidikan kesediaan global merangkumi aspek (a) kemahiran komunikasi dan kebolehan berbahasa pelbagai (b) kemahiran ICT (c) kepelbagaian dan multikulturalisme (d) kemahiran berfikir aras tinggi (e) kemahiran pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar (f) kemahiran literasi kewangan dan (g) kemahiran asas keselamatan serta pertahanan diri. Mereka perlu disediakan dengan pengetahuan global selain memberi tumpuan kepada perkembangan kognitif, social dan emosi yang merupakan domain penting yang selalu diberi keutamaan dalam perkembangan awal mereka (Carnoy, 1999). Ini adalah untuk memastikan generasi akan datang mempunyai kemahiran untuk menyesuaikan diri dengan senario yang sentiasa berubah di seluruh dunia. Keperluan untuk melahirkan generasi global di masa akan datang perlu bermula di peringkat awal lagi dan guru perlulah mengenalpasti keperluan dalam mencapai matlamat ini selari dan konsisten dengan kemajuan sejagat (Kate dan Cutbert, 2014). Peringkat prasekolah adalah tahun asas yang perlu dioptimunkan dalam menyediakan kanak-kanak dengan pengetahuan dalam kesediaan global (David, 2010). Oleh itu guru perlu memastikan pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan perlulah menyelit pengetahuan

ini dalam aktiviti yang dijalankan supaya ia selari dengan kehendak dan memenuhi tuntutan dalam abad ke 21. Kepentingan pengetahuan kesediaaan global yang menjadi tumpuan di peringkat kolej dan universiti kini perlulah dimulakan di peringkat awal kanak-kanak supaya ada kesinambungan mengikut peringkat umur. Rekabentuk kandungan kurikulum perlulah mengintergrasikan pendekatan dan kemahiran sebagai focus dalam pengajaran dan pembelajaran (Amla Salleh, 2014)

Keperluan pendidikan kesediaan global seiring dengan Puchta (2012) bahawa menghubungjalin dengan kehendak dunia alaf baru menuntut pengetahuan mengenai kesediaan global yang merangkumi perbezaan budaya, teknologi, kecekapan, kemahiran berfikir alam sekitar dan kecerdasan emosi. Bagi menghadapi cabaran pendidikan Abad ke-21, maka guru tidak seharusnya memandang enteng impak pelaksanaan elemen kesediaan global melalui aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Komponen kesediaan global sewajarnya diterapkan ke dalam kurikulum tradisional yang merangkumi dimensi fizikal, sosial, emosi, moral, dan kreativiti. (Rohaty, 2013; Rohaty dan Hamidah, 2014). Persoalan yang paling penting ialah pada peringkat manakah kanak-kanak prasekolah mempunyai pengetahuan mengenai kesediaan global dan adakah mereka mempunyai kompetensi untuk menjadi pemain global di masa akan datang. Keperluan untuk membangunkan kurikulum yang mempunyai aspek kesediaan global di peringkat prasekolah perlulah dilakukan demi menyediakan input baru kepada mereka. Walaupun guru boleh melaksanakan aktiviti berkaitan pengetahuan global namun seringkali aktiviti yang dilaksanakan lebih kepada perkembangan kognitif kanak-kanak.

Kemahiran abad ke-21 merangkumi ketahanan, kemahiran komunikasi dan teknologi maklumat, kemahiran berfikir, kemahiran *teambuilding*, perasaan ingin tahu dan kreativiti. Konsep kesediaan global dapat difahami dengan lebih baik dengan penggunaan teknologi maklumat yang hebat, memperluas kemahiran dan komunikasi tanpa sempadan lantas menjadikan pendidikan dan kesediaan global menjadi lebih interaktif dan bersifat saling bergantung. Terdapat juga keperluan untuk membangunkan latihan kesediaan global dan modul untuk disepadukan secara sistematik dan berkesan di kolej dan universiti latihan guru. Kajian rentas budaya mengenai kesediaan global adalah penting kerana terdapat keperluan untuk mendapatkan wawasan komparatif terhadap kesediaan global di seluruh dunia untuk menanda aras ukur dengan amalan terbaik. Kurikulum kesediaan global dan pengajaran perlu dikonsep semula untuk memenuhi permintaan dan tuntutan yang semakin meningkat selari dengan hasrat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang telah melancarkan tujuh belas matlamat global iaitu Sustainable Development Goals (SDGs) bertujuan untuk membasmi kemiskinan, memelihara bumi dan memastikan kesejahteraan sejagat. Matlamat global ini turut menyelitkan agenda baharu yang berfokus kepada pendidikan. Sustainable Development Goals (SDGs).

### **Kerangka Teori Kajian**

Teori yang mendasari kajian ini adalah Teori Kognitif Piaget dan Teori Sosio Budaya di mana teori ini melihat pengetahuan kanak-kanak di pengaruh oleh pengaruh persekitaran mereka. Dalam teori Kognitif Piaget, tahap preoperasional yang berlaku antara umur dua atau tujuk tahun menyatakan kanak-kanak pada peringkat ini sangat egosentrik. Ini bermakna mereka menganggap orang lain melihat dunia dengan cara yang sama dan belum dapat menerima pandangan orang lain. Pada peringkat umur ini, kemahiran perwakilan dapat dipelajari termasuk kemahiran bahasa, bermain simbolik dan lukisan. Kanak-kanak belajar menggunakan simbol dan imej dalaman, tetapi pemikiran mereka tidak logik. Ia sangat berbeza dengan orang dewasa. Oleh itu memperkenalkan kanak-kanak dengan pengetahuan

global di peringkat awal memberi kefahaman secara awal bahawa dunia persekitaran mereka adalah tidak sama dari aspek bahasa, budaya dan sebagainya.

Manakala Vygotsky percaya bahawa kanak-kanak belajar melalui pengalaman sosial dan budaya. Interaksi dengan rakan sebaya dan orang dewasa membantu kanak-kanak dalam proses ini. Semasa berinteraksi dengan orang lain, kanak-kanak belajar adat, nilai, kepercayaan, dan bahasa budaya mereka. Atas sebab ini, keluarga dan guru harus menyediakan banyak interaksi sosial untuk kanak-kanak. Vygotsky percaya bahasa adalah alat penting untuk pemikiran dan memainkan peranan penting dalam perkembangan kognitif. Oleh itu peringkat umur prasekolah kanak-kanak perlu didedahkan dengan pengetahuan tentang persekitaran mereka.

### **Metodologi**

Kajian ini dijalankan secara kuantitatif. Instrumen yang digunakan ialah satu set soalan bertulis untuk mengenalpasti pengetahuan kanak-kanak dalam kesediaan global berdasarkan tujuh aspek iaitu (a) kemahiran komunikasi dan kebolehan berbahasa pelbagai (b) kemahiran ICT (c) kepelbagaian dan multikulturalisme (d) kemahiran berfikir aras tinggi (e) kemahiran pemeliharaan alam sekitar (f) kemahiran literasi kewangan dan (g) kemahiran asas keselamatan serta pertahanan diri.

Populasi dalam kajian ini adalah terdiri daripada kanak-kanak prasekolah di daerah Mualim Perak. Seramai 84 orang kanak-kanak prasekolah telah dipilih secara rawak daripada lima buah prasekolah sebagai sampel kajian. Instrumen diedarkan kepada kanak-kanak dan mereka menjawab berdasarkan pengetahuan mereka terhadap tujuh aspek yang dilihat dalam kesediaan global

### **Dapatan Kajian**

Dapatan kajian dihuraikan berdasarkan analisis secara min untuk menunjukkan kesediaan global kanak-kanak dalam ketujuh aspek yang telah dinyatakan. Setiap aspek mempunyai soalan yang berkaitan kesedian global kanak-kanak selari dengan standard pembelajaran dalam Kurikulum Standard Prasekolah.

**Jadual 1. Perbandingan Min Mengikut Item Kesediaan Global**

<b>Item</b>	<b>Min</b>	<b>Sisihan Piawai</b>
Komunikasi	.87	.22
Kepelbagai Budaya	.88	.19
Kemahiran Berfikir	.80	.26
Kemahiran ICT	.79	.25
Kemahiran Literasi Kewangan	.69	.26
Kemahiran penjagaan alam sekitar	.69	.26
Keselamatan	.89	.17

Berdasarkan dapatan daripada analisis kesediaan global kanak-kanak prasekolah terhadap tujuh aspek yang dilihat menunjukkan aspek keselamatan mempunyai min yang tinggi iaitu

.89. Aspek keselamatan yang dilihat ialah pengetahuan dalam seni mempertahankan diri, kesedaran tentang bahaya di persekitaran dan keselamatan diri. Aspek kemahiran berfikir mempunyai min yang sederhana daripada ketujuh aspek lain iaitu .80. Dalam aspek kemahiran berfikir yang dilihat ialah kemahiran kanak-kanak menyelasaikan masalah, keupayaan membuat ramalan, kemahiran memberi jawapan kreativiti dan mempunyai rasa ingin tahu yang tinggi.

Aspek yang paling rendah dengan min .69 ialah kemahiran literasi kewangan dan kemahiran ICT. Kemahiran literasi kewangan melihat pengetahuan kanak-kanak mengenai matawang dan nilai wang, pengetahuan tentang tabungan dan sikap positif dalam pengurusan wang. Aspek ICT adalah berkaitan kemahiran dan pengetahuan kanak-kanak menggunakan komputer, pengetahuan dan kemahiran mengakses laman web dan mengenali logo untuk enjin carian.

### **Perbincangan, Cadangan dan Implikasi**

Dapatkan kajian kesediaan global kanak-kanak menunjukkan kanak-kanak diperangkat prasekolah perlu didedahkan dengan pengetahuan dalam kesediaan global untuk memenuhi keperluan dalam kesinambungan dunia yang semakin mencabar dengan isu-isu global seperti perbezaan budaya, teknologi, ICT, kemahiran berfikir, pengetahuan tentang alam sekitar dan kecerdasan emosi (Puchta, 2012). Dapatkan menunjukkan pengetahuan kanak-kanak dalam dalam literasi kewangan dan kemahiran ICT sangat rendah di peringkat prasekolah. Pengetahuan tentang pengurusan kewangan dan pengetahuan tentang nilai wang dalam dan luar negara sangat penting untuk mereka di masa akan datang. Pengetahuan dalam literasi kewangan akan membantu kanak-kanak untuk mengurus kewangan di peringkat awal dengan baik untuk jaminan masa depan yang cerah. Persekutaran ekonomi dan sosial berubah pada kadar yang semakin meningkat di bandar-bandar besar di seluruh dunia. Oleh itu masalah kewangan dari pelbagai lapisan masyarakat untuk menjana peluang pekerjaan dan meraih kekayaan adalah isu globalisasi yang kian meningkat. Generasi muda perlu diberi pendidikan dan kesediaan global bagi menghadapi masalah yang mencabar yang melibatkan isu kewangan. (Lee & Law, 2011)

Kebanyakan bilik darjah prasekolah tidak menyediakan kemudahan komputer dan capaian internet untuk memudahkan kanak-kanak mengakses maklumat berkaitan aspek global di bilik darjah. Hampir kebanyakan guru prasekolah menggunakan komputer riba milik sendiri untuk mencari bahan pengajaran dan pembelajaran dan kegunaannya adalah secara peribadi. Oleh itu kanak-kanak kurang didedahkan dengan penggunaan ICT kecuali kanak-kanak yang datang daripada golongan berkemampuan mampu memiliki semua.

### **Kesimpulan**

Kesediaan global merupakan pengetahuan yang perlu diterapkan di peringkat awal untuk melahirkan generasi yang selari dengan keperluan semasa. Oleh itu kurikulum dalam pendidikan awal bukan sahaja menyediakan pengetahuan asas yang menyediakan kanak-kanak menguasai kemahiran asas tetapi mendedahkan mereka dengan aspek global supaya mereka dapat menghadapi masalah dalam dunia yang mencabar ini.

### **Rujukan**

Amla Salleh. (2014). Managing Diversity in Education: The Malaysian Experience. 10.13140/2.1.1626.6565.

- Anna Christina Abdullah. (2009). Multicultural Education in Early Childhood: Issues and Challenges. *Journal of International Cooperation in Education*, Vol.12 No.1(2009) pp.159-175
- Carnoy, M., (1999). Globalization and educational reform: What planners need to know. Paris: UNESCO.
- David, T., (2010). Curriculum in the early years in Pugh Gillian Contemporary issues in early years. London: Sage Publications.
- Dewan Bahasa dan Pustaka (2013) Kamus Dewan, Edisi Keempat. Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka
- Er Ah Choy, Catherine Lau YP (2012) Analisis jaringan pihak-pihak berkepentingan ke arah kelestarian kampus. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space* 8 (6), 109 - 116.
- Fan, S.P., Liberman, Z., Keysar, B., & Kinzler, K.D. (2015). The exposure advantage: early exposure to a multilingual environment promotes effective communication. *Psychological Science*, 26 (7), 1090–1097.
- Kate, C. and D. Cuthbert, 2014. Global childhoods issues & debates. Los Angeles: Sage Publications.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2012). Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013- 2025. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia Kementerian Pendidikan Malaysia (2016). Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan. Kuala Lumpur: Bahagian Perkembangan Kurikulum.
- Oltman, M. (2012). Natural Wonders. A Guide to Early Childhood for Environmental Educators. Minnesota Children's Museum and the Minnesota Office of Environmental Assistance. Minnesota: Minnesota Children's Museum.
- Puchta, H. (2012) Developing Thinking Skills in the Young Learners' Classroom. Cambridge: Cambridge University Press.
- Rohaty Mohd Mahzub. (2012). Identiti Guru: Cabaran dan Hala Tuju. Prosiding Seminar Kebangsaan Profesion Perguruan (110-121). Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.
- Rohaty, M. and B.M. Hamidah. (2014). Pembentukan Kurikulum Pragmatik Prasekolah Abad Ke 21. Proceeding International Seminar On Global Education II.
- United Nations (2015). Transforming our World: The 2030 Agenda for Sustainable Development.